

Masih ada garis pemisah yang boleh pecah belahkan warga

Nur Adilah Mahbob

Berita Harian, 4 July 2015

Kelmarin Perdana Menteri Encik Lee Hsien Loong menyertai satu dialog yang dipengerusikan penulis pojok The Washington Post, Dr Fareed Zakaria. Dialog di Hotel Shangri-La itu diadakan sempena pembukaan sidang SG50+ anjuran **Institut Pengajian Dasar** (IPS) dan Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew, Universiti Nasional Singapura (NUS). Berita Harian melaporkan.

WARGA Singapura kini lebih mempunyai semangat dan jati diri sebagai satu rakyat, tetapi ia perlu terus berwaspada terhadap garis pemisah yang boleh memecah belah mereka kerana isu keharmonian sosial belum lagi terhurai, kata Perdana Menteri Encik Lee Hsien Loong.

"Jika anda melihat seseorang di jalan raya, sama ada bangsa India, Melayu, Cina atau Serani, anda menelitinya, anda boleh mengecam beliau rakyat Singapura.

"Tetapi masalahnya belum selesai kerana satu cara dunia telah berubah dalam 50 tahun lalu adalah agama menjadi menonjol... di dunia dan di Singapura," ujar Encik Lee.

Beliau menambah garis pemisah itu kini lebih ketara dan jika usaha tidak diambil untuk menyatupadukan rakyat, masyarakat boleh berpecah belah.

Beliau berkata demikian di sebuah dialog di pembukaan sidang SG50+ anjuran **Institut Pengajian Dasar** dan Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew di Universiti Nasional Singapura (NUS) malam kelmarin.

Dialog di Hotel Shangri-La itu dipengerusikan Dr Fareed Zakaria, wartawan CNN dan penulis pojok akhbar The Washington Post.

Dalam sesi sekitar sejam itu, Encik Lee telah menjawab soalan yang diutarakan Dr Fareed dan peserta dialog itu.

Antara lain, Dr Fareed telah bertanya mengenai pencapaian luar biasa yang dialami Singapura.

"Keadaan di Singapura memang luar biasa... kami patut bersyukur dengannya, jika tidak setiap hari, sekurang-kurangnya setiap pilihan raya," ujar Encik Lee disambut ketawa hadirin.

Dalam dialog itu, beliau turut menyentuh masa depan politik Singapura, proses tindakan saman terhadap fitnah di negara ini, serta ancaman pengganas.

Sidang SG50+ yang diadakan 2 hingga 3 Julai merupakan sebahagian daripada sambutan SG50 anjuran NUS.